

**Najib Rai Pemenang Pingat Gangsa Olimpik Pandelega Rinong
Bernama
17 Ogos, 2012**

PUTRAJAYA, 17 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini meraikan ratu terjun negara, Pandelega Rinong Pamg yang meraih pingat gangsa pada Sukan Olimpik 2012 dalam acara terjun 10 meter platform, di pejabatnya Jumaat.

Sebagai penghargaan kerajaan, Najib menyampaikan sumbangan bernilai RM300,000 iaitu Skim Hadiah Kemenangan Sukan Majlis Sukan Negara (MSN) RM100,000 dan Amanah Saham Wawasan sebanyak RM200,000 kepada Pandelega atas kejayaan mengharumkan nama negara dalam kejohanan berprestij itu. Perdana Menteri juga menyerahkan surat tawaran biasiswa penuh kerajaan daripada Yayasan Tun Abdul Razak untuk membolehkan atlet negara itu melanjutkan pelajaran dalam jurusan pilihannya ke Universiti Tun Abdul Razak.

Dalam pertemuan 10 minit itu, Najib memberi jaminan bahawa kerajaan sedia menghulurkan segala jenis bantuan bagi membolehkan atlet muda itu meningkatkan prestasi dan seterusnya mencipta lebih banyak kejayaan di peringkat antarabangsa. "Adakah kamu komited untuk Rio (Kejohanan Olimpik Rio de Janeiro, Brazil 2016) dan apa lagi yang kamu perlukan? Semua dah cukup?," tanya Najib dengan senyuman manis kepada Pandelega.

Najib juga bertanya perasaan Pandelega sewaktu melakukan terjunan dari ketinggian 10 meter dalam pertandingan itu.

"Kamu gementar tak ketika nak mula", tanya Najib.

"Ya tapi lepas itu saya rasa teruja," kata Pandelega.

Hadir sama ibu bapa Pandelega, Hartini Lamim dan Pamg ak Joheng serta jurulatih Yang Zhuliang.

Pada Sukan Olimpik London 2012, gadis Bidayuh berusia 19 tahun itu mengumpul 359.20 mata dalam acara 10m platform di belakang Chen Ruolin dari China yang berjaya mempertahankan kejuaraannya dengan 422.30 mata manakala Brittany Broben dari Australia meraih pingat perak selepas mengutip 366.50 mata.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=688837>